From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DESA KEDA ULU LEGONG TERUS CEMERLANG DALAM PEMBANGUNAN MAMPAN
Date: Tuesday, 8 September, 2026 3:32:06 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

8 SEPTEMBER 2026 / 26 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof. Madya Dr. Zainal Md. Zan

DESA KEDA ULU LEGONG TERUS CEMERLANG DALAM PEMBANGUNAN MAMPAN



UUM ONLINE: Baling - Desa KEDA Ulu Legong menyerlah sebagai contoh pembangunan desa yang seimbang dan menjadi wakil dalam pertandingan Program Anugerah Desa KEDA Mampan**.**

Program yang dirasmikan oleh Sulaiman Mohd Noor yang mewakili Pengurus Besar KEDA itu dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan seperti MARA, LPPKN, KKM dan usahawan KEDA serta komuniti desa KEDA seramai kira-kira 500 orang dari Daerah Baling.

Dalam program berkenaan, Prof. Dr. Hamidi Ismail daripada Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), telah menyampaikan ceramah bertajuk “Pembangunan Desa dan Kestabilan Ekosistem” yang mengetengahkan kepentingan nilai tambah aspek keceriaan melalui unsur landskap dan alam sekitar selain hanya memfokuskan kepada mengimbangi kemajuan ekonomi desa, tadbir urus yang berkesan serta kesejahteraan sosial penduduk.



Dr. Hamidi berkata, kejayaan sesebuah desa tidak seharusnya diukur melalui pembangunan fizikal semata-mata, sebaliknya turut melibatkan keupayaan mewujudkan peluang ekonomi yang inklusif, mengurus sumber alam secara berhemah dan memperkukuhkan peranan komuniti.

Bagi memastikan pembangunan Desa KEDA secara mampan, Dr. Hamidi bersama barisan akademik mewakili pihak Pusat Pengajian Kerajaan bersedia menghulurkan tenaga dan fikiran melalui kajian bersasar, berimpak dan memenuhi keperluan pihak pemegang taruh.

Desa KEDA Ulu Legong merupakan satu daripada sembilan Desa KEDA di Daerah Baling dan jumlah keseluruhan bagi negeri Kedah adalah sebanyak 56 desa.

Kesemua Desa KEDA memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan agenda pembangunan luar bandar.

Anugerah Desa KEDA dianjurkan setiap dua tahun bagi mengiktiraf kecemerlangan desa dalam pelbagai aspek pembangunan.

Bagi edisi 2026, Desa KEDA Ulu Legong telah dipilih untuk mewakili Daerah Baling ke peringkat Negeri Kedah.

Desa ini turut menerima pelbagai penganugerahan daripada agensi kerajaan serta pengiktirafan di peringkat Asia, membuktikan komitmen berterusan penduduk dan pihak berkepentingan dalam menjayakan pembangunan desa yang mampan dan berdaya tahan.

Turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Zainal Md Zan dan Prof. Madya Dr. Tuan Pah Rokiah Syed Hussain.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.